

180 penagih dari 4 pusat cuba lari



● DATUK MUSA

KUALA LUMPUR, Sabtu — Seratus lapan puluh penagih cuba melarikan diri dari empat pusat pemulihan dadah dalam tempoh tiga bulan lalu, sejak April.

Dari jumlah itu, 88 orang cuba lari dari Pusat Pemulihan Dadah di Bukit Mertajam, 50 dari Pusat Pemulihan Tampoi, 27 dari Pusat Pemulihan Besut dan 35 dari Pusat Serenti Dadah Tampin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, penagih-penagih itu cuba lari kerana mereka terdesak dan terlalu ketagihan dadah dan akan menggunakan apa saja cara untuk lari.

Datuk Musa, yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, taktik yang paling sering digunakan oleh penagih-penagih ialah dengan menipu dan menyatakan mereka saki.

Dengan cara ini, pihak bertanggungjawab terpaksa membawa mereka ke hospital untuk rawatan.

Dalam perjalanan, sama ada pergi, balik atau ketika di hospital, penagih-penagih itu akan cuba lari, kata Datuk Musa.

Kepada saya, itulah kemungkinan besar yang dikatakan ada penghuni di Pusat Serenti Tampin telah menelan kaca dan paku supaya mereka dibawa ke hospital. Dengan cara ini mereka dapat cuba untuk lari, tambahnya.

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

Datuk Musa berkata, cara itu bukan luar biasa kerana berasaskan kepada pengalaman pentadbiran penjara juga, cara menelan paku dan kaca berlaku sebagai satu cara melarikan diri.

Di penjara, ada banduan-banduan memecah menol untuk menelan kacanya. Bila dibawa berjumpa doktor, banduan itu cuba lari.

Datuk Musa menyatakan demikian kepada para pemberita setelah mengengeruskan mesyuarat Jawatankuasa Anti-Dadah, Majlis Keselamatan Negara hari ini.

Pusat contoh

Pusat Serenti Tampin akan dijadikan pusat contoh dalam mengambilira proses pembalakan fizikal dan lain-lain.

Mesyuarat itu juga membentangkan laporan dua jawatankuasa yang dibentuk untuk menyalat dakwaan berkaitan Pusat Serenti itu.

Menurut Datuk Musa, dari 35 orang yang cuba lari dari Pusat Serenti Tampin, 29 darinya ialah mereka yang sedang menjalani rawatan awal dalam tempoh dua minggu pertama. Ketika itu mereka betul-betul ketagih, dan cuma enam yang lain cuba lari selepas dua minggu itu.

Datuk Musa berkata, beberapa keadaan di pusat seperti sistem pagar, tingkap kaca dan bangunan kayu yang buruk sedang ditukar beserta kemudahan fizikal lain.

Datuk Musa juga berkata satu garis panduan lengkap berhubung dengan masalah disiplin penghuni dan kakitangan pusat itu sedang dirangka.

Garis panduan itu akan menentukan apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan oleh mereka.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia